Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Inklusif

Salah satu mandat utama Bank Negara Malaysia (BNM) adalah untuk menggalakkan pembangunan sistem kewangan yang progresif dan inklusif untuk ekonomi Malaysia.

Sepanjang dua tahun sejak Pelan Sektor Kewangan 2022-2026 (FSBP), keutamaan pembangunan kewangan kekal berteraskan pada menyokong fungsi pengantaraan bagi pertumbuhan yang mampan dan inklusif, memperkukuh penggerak ekosistem dan memacu pembaharuan jangka panjang. Pada tahun 2023, BNM terus mengutamakan usaha untuk memastikan aktiviti pengantaraan kewangan terus menyokong agenda transformasi ekonomi dan membantu perniagaan, terutamanya untuk Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) membina daya tahan perniagaan dan beralih kepada amalan hijau. Usaha penting juga ditumpukan untuk mempertingkat keupayaan kewangan rakyat Malaysia dan mengurangkan baki halangan terhadap rangkuman kewangan. Di samping itu, usaha digerakkan ke arah menyokong landskap perkhidmatan kewangan digital yang memberangsangkan dan menggalakkan inovasi yang bertanggungjawab dengan tawaran nilai yang kukuh. Bab-bab yang menyusul menghuraikan tentang usaha dan kemajuan utama lain dalam memudahkan peralihan yang teratur kepada ekonomi yang lebih hijau dan memajukan kewangan berasaskan nilai melalui kepimpinan kewangan Islam.

Gambar Rajah 1: Kemudahan Tersedia[1] di Bawah Dana BNM untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk Menyokong PKS Dalam Segmen Bersasar



Di bawah **Belanjawan 2024**, sebanyak RM600 juta daripada kemudahan terpilih di bawah Dana BNM untuk PKS telah diperuntukkan untuk segmen bersasar khusus:

1. Kemudahan Perusahaan Mikro
   Tambahan RM200 juta
   termasuk RM50 juta untuk usahawan mikro berpendapatan rendah di bawah program iTEKAD
2. Kemudahan Agromakanan
   RM100 juta
   untuk menyokong agenda keterjaminan makanan negara
3. Kemudahan Peralihan Karbon Rendah
   RM100 juta
   untuk menggalakkan PKS mendapatkan pensijilan kelestarian dan hijau
4. Kemudahan untuk Semua Sektor Ekonomi
   RM200 juta
   untuk memangkin penyediaan CAKNA II, kemudahan pembiayaan kontrak untuk kontraktor kecil (G1-G4) yang memperoleh projek kerajaan bernilai sehingga RM1.5 juta

Maklumat lanjut boleh didapati melalui:
https://www.bnm.gov.my/-/msme-budget24-bm

[1] Kemudahan tersedia lain yang di bawah Dana BNM untuk PKS adalah untuk tujuan bantuan:
i) Kemudahan Bantuan Bencana untuk membantu PKS yang terkesan akibat banjir (Peruntukan: RM500 juta)
ii) Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF) untuk membantu PKS dalam sektor pelancongan (Peruntukan: RM600 juta)

[2] Jumlah baki setakat akhir bulan Disember 2023, termasuk untuk kemudahan bantuan (rujuk nota kaki 1 di atas).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1: Prestasi Pembiayaan PKS



¹ Berkaitan pelaburan merujuk pembiayaan bagi tujuan pembelian harta tanah bukan kediaman, harta kediaman untuk kegunaan perniagaan, aset tetap (termasuk kereta) dan aktiviti pembinaan.

Nota: Mencerminkan pembiayaan daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Memastikan Akses yang Berterusan kepada Pembiayaan bagi PKS

Pada tahun 2023, keadaan kredit kekal menyokong keperluan pembiayaan oleh perniagaan. Khususnya bagi PKS, pembiayaan terkumpul meningkat sebanyak 8.2% pada akhir tahun 2023 (akhir 2022: 5.7%). Sejumlah RM528 bilion dana telah disalurkan kepada PKS pada tahun 2023 (2022: RM496 bilion), iaitu hampir 40% lebih tinggi daripada paras sebelum pandemik (purata 2018-2019: RM377 bilion). Aktiviti pembiayaan ini terutamanya untuk tujuan modal kerja, lantas mencerminkan aktiviti perniagaan yang bertambah baik. Pembiayaan PKS juga terus meningkat kepada lebih RM180 bilion pembiayaan baharu telah diluluskan kepada lebih 235,000 akaun PKS (2022: RM150 bilion untuk hampir 231,000 akaun). Jumlah ini termasuk pembiayaan untuk pembelian harta tanah komersial dan pembiayaan aktiviti pembinaan. Pada tahun 2023, BNM telah menyelaraskan semula Dana BNM untuk PKS bagi menggalakkan lagi pengumpulan pembiayaan swasta ke dalam bidang pertumbuhan baharu yang dikenal pasti, termasuk aktiviti yang menyokong peralihan ke arah masa depan yang lebih hijau dan rendah karbon. Sehubungan dengan itu, institusi kewangan telah memberikan sokongan kepada inisiatif Aspirasi Pelaburan Nasional (National Investment Aspiration, NIA)[1] seperti yang dilihat melalui pertumbuhan pesat dalam pembiayaan PKS dalam sektor strategik. Kadar pertumbuhan tahun 2023 sebanyak 23% bagi sektor-sektor ini mengatasi kadar pertumbuhan pada tahun-tahun sebelumnya (akhir 2022: 7.2%, akhir 2021: 7.6%). Trend pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh pembiayaan yang lebih tinggi kepada subsektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Information and Communications Technology*, ICT) serta kimia dan farmaseutikal. Meskipun sumber utama pembiayaan PKS adalah daripada bank dan institusi kewangan pembangunan (IKP).[2] Dana BNM telah menyediakan sumber pembiayaan pelengkap untuk PKS. Lebih daripada RM7.9 bilion dalam Dana BNM kekal tersedia untuk digunakan oleh PKS setakat bulan Disember 2023, daripada jumlah peruntukan sebanyak RM32.4 bilion sejak pandemik COVID-19. Namun begitu, jumlah peruntukan di bawah Dana BNM hanyalah 8% daripada jumlah pembiayaan terkumpul kepada PKS, selaras dengan peranannya untuk mendorong institusi perbankan supaya menyediakan pembiayaan kepada segmen yang tiada atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan.

Kewangan sosial dijangka terus menjadi penyelesaian yang boleh dipercayai untuk menyokong keperluan pembiayaan segmen yang tiada atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Pada tahun 2023, inisiatif iTEKAD yang menggabungkan elemen utama kewangan sosial untuk usahawan mikro terus mencatatkan perkembangan (Gambar Rajah 2).

Rencana tentang 'iTEKAD: Pendekatan Ekosistem dalam Meningkatkan Kewangan Sosial' memaparkan lebih banyak maklumat mengenai pendekatan ini.

[1] NIA merujuk objektif pembangunan strategik yang menyeluruh untuk meningkatkan kompleksiti ekonomi, mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi, memperluas hubungan industri dalam negeri serta mengembangkan kelompok baharu dan yang sedia ada. Sektor strategik yang dianggap selaras dengan NIA termasuk perkilangan produk elektrik dan elektronik, bahan kimia, peranti perubatan dan farmaseutikal, jentera dan kelengkapan dan peralatan pengangkutan (cth. aeroangkasa), teknologi maklumat dan komunikasi, penyelidikan dan pembangunan, serta pendidikan tinggi.

[2] Merujuk Institusi Kewangan Pembangunan yang telah ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 iaitu Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Export-Import Bank of Malaysia Berhad dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad.

IKP sebagai penggerak utama untuk meningkatkan kerangkuman dan akses kepada pembiayaan

Pada tahun 2023, IKP terus melengkapkan sistem perbankan untuk membiayai sektor dan segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan.

IKP memainkan peranan yang sangat penting untuk menyokong sektor strategik utama dalam ekonomi. Pada tahun 2023, IKP terus melengkapi sistem perbankan dalam membiayai sektor dan segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Pembiayaan IKP terkumpul meningkat 5.9% kepada RM173.4 bilion (2022: 1.3% kepada RM163.8 bilion), manakala pembiayaan kepada sektor yang diberikan mandat[3] meningkat 12.5%, memberikan manfaat kepada lebih 176,000 perniagaan. Pembiayaan baharu yang diluluskan oleh IKP mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 38.2% (2022: 7.2%), menjangkau lebih 740,000 peminjam berpendapatan rendah dan 30,000 PKS termasuk syarikat permulaan dan peminjam kali pertama. IKP juga kekal sebagai penyedia kredit utama untuk perusahaan mikro, yang membentuk 87% daripada jumlah akaun kewangan mikro. Disokong oleh pembiayaan daripada IKP, lebih 10,000 perniagaan mencapai perolehan yang lebih tinggi dan sekitar 2,900 perniagaan mengembangkan operasi mereka, lalu mewujudkan dan mengekalkan anggaran sebanyak 125,000 pekerjaan untuk ekonomi pada tahun 2023.

Rangka Kerja Pengukuran Prestasi (Performance Measurement Framework, PMF) yang diperkenalkan pada 2018 membantu BNM memantau kemajuan, impak dan keberkesanan IKP serta penjajaran dengan mandat pembangunan mereka. Pada tahun 2023, IKP terus merapatkan jurang pembiayaan dan rangkuman serta menyumbang kepada hasil sosio ekonomi yang positif (Gambar Rajah 3).

Apabila PMF semakin matang, IKP juga dikehendaki oleh BNM untuk mendorong hasil strategik berhubung dengan kelestarian. Secara khususnya, BNM ingin lebih banyak

Gambar Rajah 2: Perkembangan dan Impak iTEKAD pada Tahun 2023



*Setakat Februari 2024

Nota: Angka impak diperoleh daripada sampel peserta yang telah melengkapkan program iTEKAD.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[3] PMKS, pertanian, koperasi, eksport dan infrastruktur.

Gambar Rajah 3: Pencapaian IKP dalam Penambahan pada Tahun 2023

PENAMBAHAN KEWANGAN
Pengantaraan IKP bagi segmen-segmen yang dimandatkan dan perkhidmatan lain untuk merapatkan jurang pembiayaan dan rangkuman kewangan

Pembiayaan yang diluluskan

RM45 bilion
(38% pertumbuhan)

- **Infrastruktur** RM4.4 bilion
- **PMKS** RM5.1 bilion
- **Eksport** RM1.7 bilion
- **Koperasi** RM650 juta
- **Pertanian** RM742 juta
- **B40** RM23 bilion

32,000 perniagaan kurang mendapat perkhidmatan kewangan dibiayai oleh IKP

Separuh peserta iTEKAD disokong oleh IKP

87% Pembiayaan perusahaan mikro oleh IKP[1]

83% Unit bank bergerak yang disumbang oleh IKP

40% Mukim yang hanya mendapat perkhidmatan IKP

944k Individu yang mendapat manfaat daripada program celik kewangan *(termasuk golongan belia dan pekerja berpendapatan rendah)*

33k Usahawan yang mendapat manfaat daripada program pembangunan keupayaan

PENAMBAHAN REKA BENTUK
Sokongan IKP terhadap pertumbuhan pelanggan yang positif melangkaui pembiayaan

10,000 perniagaan mencapai peningkatan pendapatan

2,900 perniagaan berkembang[2]

125,000 pekerjaan baharu atau sedia ada

PENAMBAHAN DEMONSTRASI
IKP membantu mengumpulkan pembiayaan daripada sektor swasta untuk segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan[3]

RM2 bilion jumlah pembiayaan daripada sektor swasta

25 projek dibiayai untuk antara lain pengurusan sisa yang mampan, tenaga biogas & maritim

PENAMBAHAN DASAR
Khidmat nasihat IKP kepada Kerajaan dalam menyokong pelancaran produk baharu[3]

IKP secara proaktif membantu Kerajaan bagi menyokong mengetengahkan **perniagaan sosial**

IKP berjaya membantu pihak Kerajaan untuk memperuntukkan dana bagi **mendigitalkan penjaja** dan membina keupayaan pengurusan kewangan

IKP membantu PKS yang terjejas akibat pandemik dengan menyokong pelancaran skim **pembiayaan ekuiti** pertama di Malaysia

[1] Berdasarkan bilangan akaun di bawah Skim Pembiayaan Mikro (SPM).
[2] Perkembangan perniagaan: tidak berdaftar kepada berdaftar, mikro→perusahaan kecil→sederhana→peningkatan penarafan kredit yang besar.
[3] Sejak 2021.

Sumber: Bank Negara Malaysia

IKP merintis penyelesaian kewangan hijau yang inovatif dengan memberikan tumpuan khusus kepada segmen yang telah dimandatkan seperti PKS, teknologi hijau dan perniagaan tani. Pada tahun 2023, BNM, Bank Dunia dan Persatuan Institusi Kewangan Pembangunan Malaysia (Association of Development Finance Institutions of Malaysia, ADFIM) bekerjasama untuk menganjurkan Forum Kewangan Hijau pada Jun 2023.[4] Forum ini bertujuan mengukuhkan pengetahuan dan kepakaran IKP mengenai kewangan hijau. Sebagai sebahagian hasil daripada forum, IKP telah menunjukkan komitmen untuk memajukan agenda ini (Gambar Rajah 4). Komitmen ini termasuk menyokong projek hijau yang inovatif seperti sistem transit berkuasa hidrogen pertama di Malaysia, sistem kitar semula plastik lautan yang pertama di dunia dan pertanian pintar melalui Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence, AI) dan hidroponik untuk meminimumkan penggunaan sumber.



Bank Dunia, BNM, dan ADFIM bekerjasama untuk menganjurkan 'Forum Kewangan Hijau untuk IKP'.

[4] Maklumat lanjut mengenai sorotan dan iktibar daripada 'Green Finance Forum for DFIs' boleh didapati menerusi laporan forum (adfim.com.my).

Gambar Rajah 4: Kisah Kejayaan Hasil daripada Pembiayaan daripada IKP



Sumber: Bank Negara Malaysia dan ADFIM

Memperluas Rangkuman Kewangan dan Akses kepada Produk dan Perkhidmatan Kewangan

Memajukan strategi rangkuman kewangan

Memajukan rangkuman kewangan adalah sangat penting untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan seluruh rakyat Malaysia. Usaha ini adalah untuk memastikan isi rumah dan perniagaan dapat beradaptasi dengan landskap kewangan yang berkembang lantas memupuk daya tahan kewangan yang lebih besar untuk menghadapi turun naik ekonomi. Rangka Kerja Rangkuman Kewangan yang pertama (2011-2020) meletakkan asas yang kukuh untuk meluaskan akses dan penyediaan perkhidmatan kewangan. Kini, hampir setiap rakyat Malaysia mempunyai akses fizikal kepada perkhidmatan kewangan pada jarak yang berdekatan hasil daripada usaha selama bertahun-tahun untuk meluaskan liputan pusat akses kewangan terutamanya di luar bandar-bandar utama di seluruh negara.

Rangka Kerja Rangkuman Kewangan 2023–26 (Financial Inclusion Framework, FIF)[5] yang kedua telah diterbitkan pada bulan Jun 2023 dan berfungsi sebagai pelan hala tuju strategik untuk terus memajukan rangkuman kewangan. Menyedari kerumitan dan dinamisme landskap kewangan yang semakin meningkat, FIF mengalihkan tumpuan daripada kebolehcapaian kepada usaha memperoleh hasil pembangunan yang lebih luas. FIF menetapkan visi yang jelas, hasil yang dihasratkan, objektif dasar dan strategi untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan serta meningkatkan taraf hidup semua rakyat Malaysia (Gambar Rajah 5).

Yang penting, FIF direka untuk membina daya tahan kewangan dan meningkatkan kesejahteraan keseluruhan. Rangka kerja ini mempunyai tumpuan yang kukuh untuk memastikan rakyat Malaysia boleh mengambil bahagian dalam sistem kewangan secara bermanfaat. Hal ini dicapai sebahagiannya dengan memacu inovasi dan memupuk pelbagai pilihan kewangan yang lebih luas untuk pengguna, terutamanya kepada mereka dalam segmen yang mudah terjejas . FIF turut menggariskan strategi yang bertujuan untuk menggalakkan kewangan dan perkhidmatan digital yang selamat dan inklusif, serta menambah baik perlindungan risiko kewangan untuk PKS dan isi rumah. Bagi memastikan usaha industri kewangan diselaraskan dengan baik dan berkesan, FIF menyediakan panduan untuk mentakrifkan mereka yang tiada atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan.

[5] Kertas Strategi Rangka Kerja Rangkuman Kewangan (2023–26) boleh didapati di (https://www.bnm.gov.my/documents/20124/55792/SP-2nd-fin-incl-framework.pdf).

Gambar Rajah 5: Rangka Kerja Rangkuman Kewangan (2023–26) Secara Sepintas Lalu



Sumber: Bank Negara Malaysia

Meningkatkan titik akses kewangan

Kini, bank ejen dan bank mudah alih merupakan sumber utama akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan untuk komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan (Gambar Rajah 6). Rangkaian produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan oleh bank ejen[6] kini dikembangkan untuk memenuhi keperluan pelanggan dengan lebih baik.[7]

Inisiatif Bank Bergerak (Bank Bergerak Initiative, BBI) amat penting dalam usaha ini. Institusi Kewangan Peserta yang menyertai BBI[8] telah menawarkan perkhidmatan perbankan yang diperlukan melalui bank mudah alih sejak tahun 2021. BBI telah dikembangkan lagi pada tahun

Gambar Rajah 6: Penunjuk Prestasi Utama Perbankan Ejen dan Bank Bergerak (di bawah Inisiatif Bank Bergerak) pada Tahun 2023



Sumber: Bank Negara Malaysia

[6] Institusi Kewangan Peserta bagi Inisiatif Perbankan Ejen ialah Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam), Bank Rakyat, Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), BSN, Malayan Banking Berhad (Maybank) dan RHB Bank Berhad (RHB Bank).

[7] Pembukaan akaun perbankan melalui protokol e-KYC, menjalankan perniagaan perkhidmatan wang, mengedarkan produk insurans mikro dan takaful mikro, dan menjalankan aktiviti aliran tunai masuk dan keluar bagi e-wang.

[8] Peserta Institusi Kewangan bagi Inisiatif Bank Bergerak ialah Affin Bank, Agrobank, Bank Muamalat, Bank Rakyat, BSN, Maybank dan RHB Bank.

Gambar Rajah 7: Prestasi Perlindungan Tenang Sejak Dilancarkan



[1] Bagi seluruh tahun 2023.
[2] Termasuk polisi/sijil individu dan kumpulan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

2023 dengan peruntukan sebanyak RM10 juta daripada Kerajaan. Kini, 24 bank mudah alih telah digerakkan di seluruh negara. Bank mudah alih ini menawarkan perkhidmatan perbankan asas seperti deposit tunai dan pengeluaran, di samping turut menyokong penggunaan perkhidmatan kewangan digital. Institusi kewangan peserta juga memainkan peranan untuk menggalakkan literasi kewangan melalui bank mudah alih. Hal ini dapat dilihat dengan nyata semasa Bulan Literasi Kewangan 2023 (Financial Literacy Month, FLM 2023).[9]

Langkah selanjutnya, bank ejen dan bank mudah alih akan terus meluaskan jangkauan mereka kepada golongan berpendapatan rendah, warga emas dan masyarakat luar bandar. Usaha ini akan diteruskan pada masa yang sama kesalinghubungan digital dan celik digital komuniti ini terus dipertingkatkan untuk menerima kewangan digital.

Menggalakkan tawaran perlindungan kewangan yang inklusif

Pada tahun 2023, BNM kekal meneruskan usaha untuk menggalakkan pasaran insurans mikro dan takaful mikro yang pelbagai. Dengan mengambil kira perspektif permintaan dan penawaran, usaha ini memanfaatkan inisiatif asas dari tahun-tahun sebelumnya seperti penerbitan Dokumen Dasar Perlindungan Tenang[10], selesainya kajian dari segi permintaan[11] dan pelancaran program baucar Perlindungan Tenang.

Dari segi permintaan, BNM bersama-sama penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurance and takaful operators,* ITO), meningkatkan aktiviti promosi dan pendidikan untuk memupuk kesedaran yang lebih tinggi tentang ketersediaan produk perlindungan insurans dan takaful yang mampu milik. Sebagai contoh, aktiviti jangkauan dan ceramah pendidikan mengenai kepentingan perlindungan insurans dan takaful untuk

[9] Maklumat lanjut tentang FLM 2023 boleh didapati dalam bab 'Menyantuni Rakyat Malaysia'.

[10] Inisiatif Perlindungan Tenang telah dilancarkan oleh BNM pada tahun 2017. Ia bertujuan untuk memperluaskan ketersediaan penyelesaian insurans dan takaful yang berkualiti untuk memenuhi keperluan segmen kewangan yang tiada atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Hal ini disokong oleh peruntukan fleksibiliti kawal selia di bawah rangka kerja Perlindungan Tenang (yang meliputi reka bentuk produk, saluran pengedaran dan penawaran perkhidmatan nilai tambah) serta inisiatif dan sokongan Kerajaan, seperti pengenalan baucar Perlindungan Tenang oleh Kerajaan dalam Bajet Tahun 2021 dan 2022 dan peruntukan pengecualian duti setem untuk pembelian produk Perlindungan Tenang.

[11] Kajian dari segi permintaan yang dijalankan secara bersama oleh BNM dan industri insurans serta takaful. Kajian ini bertujuan untuk menyokong pertumbuhan masa hadapan pasaran insurans mikro/takaful mikro yang mampan.

meningkatkan daya tahan kewangan pengguna telah dijalankan bersempena dengan Karnival Celik Kewangan BNM. Usaha untuk meluaskan kebolehcapaian Perlindungan Tenang juga diteruskan. Hal ini termasuk mengkaji perkongsian strategik dengan agensi Kerajaan, syarikat e-panggilan, penyedia e-dompet serta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Melalui libat urus ini, BNM dapat memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang jurang perlindungan, risiko yang dihadapi oleh pengguna dan corak tingkah laku segmen yang tiada atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan.

Dari segi penawaran, BNM terus mengadakan libat urus dengan ITO untuk mengembangkan rangkaian tawaran produk mampu milik dan mudah diakses kepada pengguna, serta peserta insurans mikro yang khusus dan kurang saingan (*niche*) tentang strategi dan inisiatif untuk menangani jurang perlindungan khusus, seperti risiko pertanian. Perbincangan dan bengkel turut diadakan bersama ITO dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (National Disaster Management Agency, NADMA) untuk membina daya tahan kewangan yang lebih mantap terhadap bencana alam, terutamanya banjir. Di samping itu, data tuntutan mySalam peringkat makro turut dikongsi dengan 19 ITO untuk menggalakkan penawaran produk yang mempunyai manfaat bagi penyakit kritikal dan penggantian pendapatan kemasukan ke hospital yang setanding. Sementara itu, usaha juga sedang dijalankan untuk membangunkan inisiatif perlindungan sosial gabungan untuk segmen yang mudah terjejas.

Memastikan inisiatif pendidikan kewangan yang inklusif dan berkesan

Meningkatkan keupayaan kewangan adalah penting untuk menggalakkan rangkuman kewangan yang lebih besar serta menggalakkan penyertaan pengguna dalam sistem kewangan secara aktif. Pada tahun 2023, BNM, bersama-sama ahli dan rakan kongsi Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN) terus melaksanakan pelbagai inisiatif pendidikan kewangan.[12] Usaha ini secara strategik bertujuan untuk merapatkan jurang yang dikenal pasti melalui pelbagai tinjauan dan dapatan.[13] Menyasarkan terutamanya golongan belia dan usahawan mikro, tumpuannya adalah untuk memperkasakan golongan ini melalui celik kewangan digital yang dipertingkatkan, membina daya tahan kewangan dan memupuk pertumbuhan kewangan yang mampan dalam komuniti.

FEN telah mewujudkan satu set Penunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicators*, KPI) Tahunan dalam empat bidang tumpuan iaitu Penyelesaian, Akses, Kesedaran dan Aplikasi dalam Pelan Hala Tuju Programatik FEN. Hal ini adalah untuk memastikan inisiatif pendidikan kewangan yang inklusif dan berkesan (Gambar Rajah 8).

Selain itu, FEN telah menerbitkan Rangka Kerja Pengukuran dan Penilaian Pendidikan Kewangan (Financial Education Measurement and Evaluation, FEME)[14] untuk menilai penggunaan pengetahuan yang diperoleh (Gambar Rajah 9). Rangka kerja berasaskan hasil yang berstruktur ini akan mengukur dan menilai kesan inisiatif pendidikan kewangan terhadap individu dan kesejahteraan kewangan mereka. Hasil strategik FEME adalah untuk individu memiliki dan menggunakan pengetahuan asas kewangan untuk membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat yang mencukupi. Hal ini dilakukan dengan menilai sejauh mana seseorang itu mengurus kewangan harian dan kewangan jangka panjang, menangani perbelanjaan yang tidak dijangka dan penggunaan perkhidmatan kewangan digital.

Langkah menyelaraskan inisiatif pendidikan kewangan dengan hasil strategik FEME membolehkan penyedia pendidikan kewangan memantau kemajuan dan membuat perubahan yang bermakna. Penyelarasan ini membantu memantau dan menilai kesan inisiatif ini. Anggota dan rakan kongsi FEN telah mula menyepadukan Rangka Kerja FEME ke dalam program pendidikan kewangan mereka. Hasil daripada usaha ini akan dinilai dan diukur secara kolektif. Dapatan itu kemudiannya akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pemandu Antara Agensi Peringkat Tinggi FEN yang dipengerusikan secara bersama oleh BNM dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada suku pertama tahun 2025. Dengan menambah baik pengukuran, keberkesanan inisiatif FEN boleh meningkat. Hal ini membolehkan penentuan keutamaan dan reka bentuk inisiatif celik kewangan untuk mencapai hasil yang dihasratkan.[15]

[12] Setakat 31 Disember 2023, sebanyak 353 inisiatif telah dilaporkan merentas Keutamaan Strategik dan Pelan Tindakan Strategi Kebangsaan dengan jangkauan berjumlah kira-kira 61 juta.

[13] Tinjauan oleh anggota dan rakan kongsi FEN termasuk Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan 2021 oleh Bank Negara Malaysia, Youth Capital Market Survey oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Behavioural Studies on Savings and Insurance oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Financial Literacy Survey 2022 oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Financial Literacy Survey RinggitPlus serta pandangan daripada libat urus dengan orang ramai.

[14] Maklumat mengenai Rangka Kerja Pengukuran dan Penilaian Pendidikan Kewangan (FEME) boleh didapati di (https://www.fenetwork.my/wp-content/uploads/2024/01/FEME-Framework-Guidelines.pdf).

[15] Maklumat lanjut tentang inisiatif pendidikan kewangan FEN boleh dibaca dalam bab 'Menyantuni Rakyat Malaysia'.

Gambar Rajah 8: Penunjuk Prestasi Utama Tahunan FEN

TUMPUAN	HASIL	CADANGAN GARIS ASAS UNTUK PENUNJUK PRESTASI UTAMA
PENYELESAIAN	Alat, Sumber dan Platform Pendidikan Kewangan	Alat dan sumber yang berkaitan • Pelbagai peringkat kehidupan • Perubahan keadaan • Pembangunan keupayaan
AKSES	Pengukuran dan Peningkatan Akses kepada Penyelesaian	Capaian dan penggunaan: • Laman web dan media sosial, alat dan bahan-bahan FEN • Perkhidmatan ahli dan rakan usaha sama FEN • Capaian purata bulanan bagi topik kewangan utama
KESEDARAN	Penyampaian Program dan Jangkauan	Memenuhi keperluan pelbagai pihak berkepentingan melalui: • Organisasi yang menyertai • Kehadiran peserta • Sumber yang diterbitkan • Penyampaian sesi pendidikan kewangan
KEBOLEHGUNAAN	Projek Inovatif untuk Mengubah Tingkah Laku Pengguna	Kaji selidik, eksperimen sosial dan penilaian program untuk mengukur peningkatan dalam pengetahuan, tingkah laku dan sikap mengenai: • Mengurus wang dan hutang • Merancang dan menyimpan untuk masa hadapan • Mencegah dan melindungi daripada penipuan • Penggunaan produk dan perkhidmatan kewangan

IMPAK
(diukur dalam jangka panjang >3 tahun)

A. OECD PISA students' financial literacy - peningkatan berbanding dengan negara lain
1. Kandungan - transaksi, perancangan, risiko, ganjaran dan landskap
2. Proses - mengenal pasti, menganalisis, menilai dan menggunakan maklumat kewangan
3. Konteks - pendidikan, pekerjaan, keluarga dan masyarakat

B. Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan Malaysia - penambahbaikan berbanding keputusan kajian yang lepas

1. Pengetahuan
- Kesedaran tentang produk kewangan
- Literasi dan numerasi kewangan
- Konsep kewangan

2. Tingkah Laku
- Pengurusan wang
- Perancangan jangka panjang
- Membuat keputusan berkenaan produk

3. Sikap
- Kawalan diri
- Sikap terhadap masa depan
- Berteraskan pencapaian

4. Kesejahteran
- Kawalan kewangan
- Pengurusan kewangan seharian
- Kesedaran tentang penipuan

5. Akses, Pengambilan dan Penggunaan
- Kesedaran
- Alasan untuk tidak menggunakannya

6. Kualiti
- Tahap kepuasan
- Kesukaran

C. *OECD/INFE International Survey of Adult Financial Literacy* – peningkatan skor
1. **Skor literasi –** Pengetahuan, Tingkah Laku dan Sikap
2. **Daya Tahan dan kesejahteraan –** Kawalan, Perbelanjaan, Penampung Kewangan, Menangani Kekangan, Perancangan Kewangan dan Kesedaran tentang Penipuan

Sumber: Jaringan Pendidikan Kewangan

Memperkukuh Pasaran Kewangan

BNM terus memacu inisiatif pembangunan pasaran kewangan melalui Jawatankuasa Pasaran Kewangan (Financial Markets Committee, FMC)[16] melalui kerjasama rapat dengan industri. Pada tahun 2023, usaha BNM ditumpukan pada peluasan kebolehcapaian serta meningkatkan keluasan dan kedalaman pasaran.

Pada tahun itu, FMC menyemak kemajuan penggunaan Kadar Semalaman Malaysia (Malaysia Overnight Rate, MYOR) yang diperkenalkan pada tahun 2021 sebagai Kadar Rujukan Alternatif (Alternative Reference Rate, ARR) berasaskan transaksi yang teguh kepada Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR). Ahli-ahli mengambil maklum bahawa pendekatan berbilang kadar pada masa ini, bersama-sama dengan KLIBOR dan MYOR, tidak membantu menggalakkan penggunaan MYOR. FMC akan terus membangunkan MYOR dan menggalakkan penggunaan oleh industri, termasuk mengkaji penerbitan garis masa peralihan industri daripada KLIBOR ke MYOR susulan tinjauan seluruh pasaran pada tahun 2024.

FMC juga menubuhkan dua kumpulan kerja, bersama-sama Jawatankuasa Kecil Pasaran Bon yang sedia ada. Pertama, Kumpulan Kerja Kelestarian (Sustainability Working Group, SWG) berfungsi sebagai platform untuk kerjasama antara peserta industri pasaran kewangan untuk mengenal pasti peluang dan jurang yang akan membantu memaklumkan rancangan dan inisiatif yang sesuai untuk pembangunan pasaran kelestarian domestik. SWG kini sedang mengenal pasti strategi untuk menggalakkan penciptaan aset alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environmental, social and governance*, ESG) untuk memenuhi permintaan pasaran domestik. Kedua, Kumpulan Kerja Peniaga Utama (Principal

[16] FMC telah ditubuhkan pada tahun 2016 untuk meluaskan libat urus industri dengan memberikan tumpuan pada mengkaji semula dan merumuskan strategi yang menyeluruh untuk pasaran kewangan borong.

Gambar Rajah 9: Rangka Kerja FEME Secara Sepintas Lalu



Sumber: Jaringan Pendidikan Kewangan

Dealer Working Group, PDWG) berfungsi sebagai platform untuk membincangkan perkara-perkara berkaitan Peniaga Utama (Principal Dealer, PD) dan memacu inisiatif pembangunan dalam pasaran bon dan repo. PDWG kini sedang berusaha untuk mengenal pasti Platform Dagangan Elektronik (Electronic Trading Platform, ETP) antara Peniaga Utama. ETP dijangka meningkatkan keupayaan membuat pasaran PD dengan memudahkan saiz perdagangan yang lebih besar dan meningkatkan kecekapan operasi, lantas meningkatkan mudah tunai pasaran bon secara keseluruhan. Sehubungan dengan itu, PDWG telah mendapatkan komitmen daripada PD bagi ETP yang dikenal pasti untuk mengurangkan risiko pemecahan pasaran.

Pada bulan Januari 2023, BNM melancarkan Portal Pelabur Pasaran Kewangan (Financial Markets Investor Portal, FMIP) iaitu sebuah laman sesawang yang disediakan untuk orang ramai mengakses maklumat pasaran kewangan utama merentasi pasaran wang, bon dan pertukaran asing domestik.

Pada bulan Januari 2023, BNM melancarkan Portal Pelabur Pasaran Kewangan (Financial Markets Investor Portal, FMIP) iaitu sebuah laman sesawang yang disediakan untuk orang ramai mengakses maklumat pasaran kewangan utama merentasi pasaran wang, bon dan pertukaran asing domestik. Portal ini bertujuan untuk mengatasi sumber yang terhad dan berpecah-pecah berhubung dengan data pasaran kewangan yang boleh didapati oleh orang ramai. Pengenalan FMIP telah meningkatkan ketelusan dan kebolehcapaian orang ramai kepada maklumat penting tentang pasaran kewangan domestik dalam lingkungan lokasi berpusat. Hal ini telah mempermudah penilaian lebih mendalam dan pembuatan keputusan pelaburan berdasarkan maklumat yang mencukupi.

Maklumat mengenai inisiatif BNM untuk memperkukuh pasaran kewangan Islam Malaysia boleh didapati dalam Bab 1.4 bertajuk ‘Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif’.

Memajukan Pendigitalan Perkhidmatan Kewangan

Memantapkan penggerak yang sangat penting untuk inovasi

BNM terus komited untuk menyediakan persekitaran kondusif bagi inovasi seiring dengan kemunculan pesat model dan penyelesaian perniagaan baharu seperti penajajaminan kredit menggunakan model kredit alternatif dan insurans untuk kenderaan elektrik (*electric vehicle*, EV). BNM mengakui bahawa pendekatan yang diperbaharui untuk mempermudah trend yang baru muncul diperlukan bagi membolehkan inovasi diteruskan tepat pada masanya dan dengan cara bertanggungjawab. Bagi tujuan ini, kajian semula menyeluruh terhadap pendekatan pengawalseliaan BNM telah dilaksanakan dalam usaha mengkaji bidang-bidang yang BNM boleh berikan bimbingan dan kejelasan selanjutnya bagi menyokong inovasi yang bertanggungjawab. Langkah ini termasuk panduan penggunaan perkhidmatan awan bagi institusi kewangan serta kehendak terhadap produk-produk Beli Dahulu Bayar Kemudian (Buy Now Pay Later, BNPL).

Usaha BNM pada tahun 2023 juga adalah untuk melaksanakan kembali *Sandbox* Pengawalseliaan Teknologi Kewangan (*Sandbox*) yang diperkenalkan buat pertama kali pada tahun 2016. Langkah ini bertujuan untuk menyokong dan menggalakkan inovasi dan penyampaian perkhidmatan kewangan dengan tawaran nilai sebenar dalam lingkungan persekitaran pengawalseliaan yang kondusif. Pada tahun 2023, *Sandbox* telah menyokong empat penyelesaian ujian-langsung yang baharu dalam bidang Teknologi Insurans (*Insurtech*) dan BNPL. Sepanjang tahun itu, *Sandbox* terus menjadi platform penting bagi libat urus aktif dan terbuka untuk memperkukuh kerjasama antara pelbagai pihak berkepentingan. Berikutan pelbagai maklum balas daripada pihak berkepentingan tentang Draf Dedahan yang dikeluarkan pada tahun 2023, Dokumen Dasar yang telah disemak tentang Rangka Kerja *Sandbox* Kawal Selia Teknologi Kewangan telah diterbitkan pada bulan Februari 2024. Terdapat dua penambahan penting yang telah dimasukkan dalam rangka kerja yang disemak dan kini mengandungi dua laluan berbeza (Gambar Rajah 10). Pertama, penilaian kelayakan kemasukan ke *Sandbox* telah dipermudahkan untuk semua pemohon termasuk syarikat-syarikat *fintech*. Kedua, Laluan Hijau telah

Gambar Rajah 10: Gambaran Keseluruhan Aplikasi dan Proses Penilaian *Sandbox*



Sumber: Bank Negara Malaysia

diperkenalkan untuk membolehkan institusi kewangan yang memiliki rekod prestasi keupayaan pengurusan risiko yang kukuh dapat menguji inovasi mereka dengan lebih cepat dan fleksibel.

Memandangkan lebih banyak perkhidmatan kewangan semakin didigitalkan, maka sangat mustahak bahawa inovasi ini kekal selamat, terjamin dan dilaksanakan dengan bertanggungjawab. Beberapa tahun kebelakangan ini, pembukaan akaun digital penuh semakin mendapat tarikan lantas memerlukan perlindungan yang kukuh untuk meminimumkan risiko kecurian identiti dan penipuan. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada Draf Dedahan pada tahun 2023, Dokumen Dasar kenali pelanggan secara elektronik melalui platform digital atau e-KYC yang disemak akan dikeluarkan pada separuh pertama tahun 2024 untuk memantapkan kehendak pengawalseliaan dalam usaha mencapai hasil ini. Antara lain, Dokumen Dasar yang telah disemak memberikan panduan tentang amalan yang baik untuk meningkatkan standard prestasi keseluruhan penyelesaian e-KYC dalam industri.

Tinjauan yang dijalankan oleh BNM pada tahun 2023 berhubung dengan penggunaan AI dan Pembelajaran Mesin (Machine Learning, ML) oleh penyedia perkhidmatan kewangan (PPK) mendapati bahawa penggunaannya dalam industri kewangan masih berada pada peringkat awal. BNM sedang memantau rapi perkembangannya dan menjangka PPK akan memastikan risiko AI dan ML tidak menyebabkan hasil pengguna yang tidak konsisten dengan olahan yang adil dan beretika. Dalam hal ini, penyedia perkhidmatan kewangan digalakkan untuk mewujudkan standard industri dan amalan baik untuk menguruskan risiko daripada AI dan ML.

Memudahkan kemasukan ke pasaran untuk menggalakkan kedinamikan

Bank-bank digital yang baru dilesenkan perlu menjalani kajian semula ketersediaan beroperasi sebelum memulakan operasi di pasaran. Kajian semula ini merangkumi penilaian ketersediaan infrastruktur dan sistem bank digital termasuk memastikan proses operasi yang sangat penting disediakan. Bab bertajuk 'Menggalakkan Kestabilan Kewangan' menyediakan lebih banyak maklumat berhubung dengan keutamaan dan pendekatan penyeliaan BNM. Penilaian ini merupakan langkah sangat penting untuk mengesahkan keupayaan bank digital dan keteguhan struktur tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan untuk menyampaikan tawaran nilai serta memenuhi keperluan pelanggan mereka. Pada masa ini, tiga bank digital, iaitu GXBank, Boost Bank dan AEON Bank, telah melepasi kajian semula ini dan memulakan operasi mereka.

Pelancaran perkhidmatan perbankan digital akan dilaksanakan secara beransur-ansur bermula dengan produk deposit dan pembayaran mudah sebelum menceburi penawaran kewangan lain termasuk pinjaman. Mengikut peredaran masa, pengenalan bank digital dalam sistem kewangan domestik dijangka melengkapi perkhidmatan perbankan tradisional dengan menambah baik akses kepada perkhidmatan kewangan melalui teknologi inovatif. Sejajar dengan komitmen mereka terhadap hasil rangkuman kewangan, bank digital akan memberikan tumpuan pada usaha menyesuaikan penyelesaian kewangan kepada pelbagai kumpulan yang pelbagai termasuk pekerja gig, PKS dan segmen berpendapatan rendah.

Sama seperti bank digital, penanggung insurans dan pengendali takaful digital (DITO) baharu dijangka meningkatkan kedinamikan landskap kewangan Malaysia dengan melengkapi perkhidmatan ITO yang sedia ada. Kemasukan peserta baharu ini dalam ekosistem insurans dijangka dapat memupuk persaingan pasaran yang lebih besar, meningkatkan kecekapan dan menyokong rangkuman kewangan. Pada tahun 2023, BNM telah berbincang dan berinteraksi dengan pihak berkepentingannya secara meluas mengenai cadangan Rangka Kerja Pelesenan dan Pengawalseliaan bagi Penanggung Insurans dan Pengendali Takaful Digital (Rangka Kerja DITO). Pandangan yang bernilai telah dikongsikan dan dipertimbangkan dalam hal berkaitan model perniagaan dan operasi alternatif serta strategi fasa asas pengoperasian. Rangka Kerja DITO dijangka dimuktamadkan pada separuh pertama tahun 2024. Rangka kerja ini akan memberikan kejelasan tentang model perniagaan yang baru muncul dan inovatif seperti insurans tersirat (*embedded insurance*) serta insurans sebagai perkhidmatan dalam usaha menggalakkan lebih banyak penyertaan daripada peserta dalam rantaian nilai insurans dan takaful.

BNM terus menyokong pembaharuan dalam memangkinkan pasaran insurans motor. Salah satu perkembangan penting ialah komitmen daripada 90% ITO umum (*general ITO*, GITO) untuk melancarkan bantuan tepi jalan secara digital. Sehubungan dengan itu, 16 juta pemilik kenderaan[17] akan boleh memilih bengkel, mengesan geolokasi trak tunda dan menyemak status

[17] Berdasarkan laporan GITO kepada BNM pada penghujung tahun 2023.

Gambar Rajah 11: Kemas Kini Berkenaan Pembaharuan Ekosistem Motor

	Apa yang berlaku pada tahun 2023?		Bagaimanakah hal ini membantu orang ramai?
CIRI DIGITAL YANG INOVATIF 	**GITO melancarkan Bantuan Tepi Jalan Digital (*Digital Roadside Assistance*, DRA) yang merangkumi:** • Panggilan kecemasan secara digital • Pemantauan lokasi trak tunda • Pemilihan bengkel • Kemas kini status pembaikan dan tuntutan		• Mengubah pengalaman tuntutan motor pengguna **16 juta** Pemilik kenderaan motor dengan akses kepada DRA Lebih banyak pilihan untuk mendapatkan bantuan Ketelusan status bantuan dan tuntutan
MEMPERKASAKAN PENGGUNA 	**Program Pendidikan Pengguna** • Pelancaran kempen kesedaran pengguna yang diterajui industri dengan kerjasama GITO		• Meningkatkan kefahaman dan persepsi orang ramai mengenai pembelian insurans/takaful motor, hak dan tanggungjawab pengguna serta inisiatif digital yang berterusan
PROFESIONALISME PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN 	**Mendapat komitmen industri untuk melaksanakan:** • Kod Tatalaku bagi Syarikat Insurans/Pengendali Takaful-Bengkel Pembaikan Kenderaan *(Insurers/-Takaful Operators-Repairer Code of Conduct)*, yang merangkumi Rangka Kerja Penyelesaian Pertikaian Bebas (Independent Dispute Resolution Framework)		• Menggalakkan kerjasama yang lebih berkesan antara GITO dengan bengkel pembaikan kenderaan o Bank telah mengeluarkan **kertas rundingan** pada bulan Disember 2023 untuk mendapatkan maklum balas daripada orang ramai tentang standard minimum mengenai kelakuan adil, tepat pada masa dan tingkah laku profesional. Kod ini dijangka dimuktamadkan pada tahun 2024

Sumber: Bank Negara Malaysia

tuntutan mereka menggunakan telefon. Ciri-ciri digital yang inovatif ini akan menambah baik pengalaman tuntutan motor pengguna dengan menyediakan lebih banyak pilihan untuk mereka meminta bantuan segera dan memantau status tuntutan mereka. Susulan pengenalan 39 produk motor baharu, terdapat usaha nyata daripada GITO pada tahun itu untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang memiliki nilai tambah kepada pengguna seperti perlindungan EV serta perlindungan berlebihan secara sukarela (*voluntary excess*).[18] Secara keseluruhan, penambahbaikan ini akan memberikan pengalaman pelanggan yang berbeza dengan meningkatkan ketelusan dan ketepatan masa proses tuntutan. Usaha ini seterusnya ditambah dengan kempen pendidikan pengguna yang diterajui oleh industri dan akan diteruskan pada tahun 2024 untuk meningkatkan kesedaran pengguna terhadap produk insurans/takaful motor. Hal ini penting untuk memastikan orang ramai lebih faham tentang inisiatif tersebut termasuk hak mereka sebagai pengguna berkaitan produk-produk ini.

Pada tahun itu, BNM terus menyokong standard yang lebih tinggi bagi semua pihak berkepentingan dalam ekosistem insurans motor. Yang penting, GITO dan bengkel baik pulih telah komited terhadap pembentukan Kod Tatakelakuan Pembaik dan Rangka Kerja Penyelesaian Bebas pada tahun 2024 (Gambar Rajah 11). Melalui inisiatif ini, GITO terus melaksanakan penentuan harga berasaskan risiko dengan julat yang lebih besar untuk menghimpunkan risiko asas dengan lebih baik serta menggalakkan tingkah laku yang bertanggungjawab dalam kalangan pemegang polisi.

Pada tahun 2023, BNM juga telah mengadakan perbincangan dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi utama Kerajaan, pengeluar kereta, bengkel dan pembaik, penyelaras kerugian serta penyedia teknologi. Kefahaman daripada interaksi dan perbincangan ini sangat bernilai dalam membantu BNM membangunkan dasar-dasar bagi merealisasikan visi mencapai pendigitalan ekosistem motor dari hujung ke hujung.

Insurans/takaful perubatan dan kesihatan (*medical and health insurance/takaful*, MHIT) kekal sebagai bahagian penting dalam kewangan kesihatan di Malaysia. MHIT memberikan pengguna akses yang lebih luas kepada penjagaan kesihatan dan membolehkan pengguna memiliki daya tahan kewangan apabila berhadapan

[18] Perlindungan berlebihan secara sukarela merujuk produk tambahan insurans motor yang membolehkan pelanggan untuk membuat bayaran dalam jumlah tertentu secara sukarela apabila membuat tuntutan insurans, sebagai balasan untuk diskaun premium



BNM telah mengadakan beberapa sesi libat urus untuk bertukar idea dengan pemegang kepentingan utama tentang masa hadapan ekosistem motor.

Gambar Rajah 12: Ilustrasi Ciri Perkongsian Kos dan Manfaatnya

ITO dikehendaki memasukkan ciri-ciri perkongsian kos[1] dari awal ke dalam produk insurans/takaful bayaran balik perubatan individu yang baharu mulai Jun 2024. Produk sedia ada tanpa ciri-ciri perkongsian kos akan kekal berada di pasaran sebagai pilihan kepada pengguna. Pengguna boleh memilih produk yang sesuai dengan keperluan mereka.

2 jenis ciri perkongsian kos

1. **Deduktibel:** Jumlah tetap yang anda perlu bayar sebelum baki bil yang selebihnya ditanggung oleh insurans/takaful
2. **Insurans bersama/Takaful bersama:** Peratusan yang tetap daripada bil rawatan perubatan yang anda perlu bayar

Anggapkan yang berikut:

RM2,000 bil perubatan

	Anda bayar[2]	Bayaran oleh Insurans/takaful bayar
1 RM500 deduktibel	RM500	RM1,500
ATAU		
2 5% insurans bersama/ takaful bersama	RM100	RM1,900

Manfaat ciri perkongsian kos

1. Premium/sumbangan takaful yang lebih rendah berbanding produk tanpa ciri-ciri perkongsian kos
2. Memperkasa pengguna untuk membuat keputusan secara aktif berhubung dengan cara mereka menggunakan perkhidmatan kewangan lantas penggunaan penjagaan kesihatan yang lebih bertanggungjawab
3. Mengurangkan tuntutan palsu yang boleh merendahkan kos secara keseluruhan dan meningkatkan kemampanan jangka panjang produk

[1] Ciri-ciri perkongsian kos merujuk pembayaran bil perubatan yang perlu dibayar oleh pemegang polisi/peserta takaful, dan baki bil perubataan ditanggung oleh ITO
[2] Tertakluk pada terma dan had yang berkaitan bagi produk insurans/takaful bayaran balik perubatan anda

Sumber: Bank Negara Malaysia

dengan insiden kesihatan yang tidak dijangka. Sejak beberapa tahun lalu, inflasi kos perubatan[19] yang semakin meningkat dan penggunaan perkhidmatan dan prosedur perubatan yang semakin banyak (terutamanya selepas pandemik) telah menyebabkan berlakunya peningkatan kos tuntutan untuk ITO. Kebanyakan kenaikan dalam premium MHIT adalah disebabkan oleh kos bekalan dan perkhidmatan hospital yang lebih tinggi, yang mencakupi kira-kira dua pertiga daripada keseluruhan bil hospital. Oleh itu, penting untuk mencari keseimbangan yang tepat antara menguruskan peningkatan kos tuntutan dengan memastikan kemampanan perlindungan MHIT untuk jangka masa panjang.

Berlatarkan persekitaran ini, BNM meneruskan usahanya untuk memastikan perlindungan MHIT boleh terus diakses dan berterusan. Usaha ini berteraskan pada tiga strategi utama seperti yang terdapat dalam Dokumen Dasar berkenaan Perniagaan MHIT yang diterbitkan pada bulan Februari 2024.[20] Yang pertama, dasar ini bertujuan untuk mendorong perubahan positif dalam tingkah laku iaitu semua produk insurans/takaful individu baharu akan memiliki ciri-ciri perkongsian kos.[21] Produk sedemikian didapati menggalakkan penggunaan yang

[19] Menurut Global Medical Trend Rates Reports oleh AON, kos perubatan di Malaysia telah meningkat sebanyak 10.0% pada tahun 2022 dan 12.6% pada tahun 2023 iaitu lebih tinggi berbanding purata global sebanyak 5.0% pada tahun 2022 dan 5.6% pada tahun 2023. Antara faktor utama yang menyebabkan berlakunya kenaikan inflasi dalam kos perubatan ialah peningkatan kos bekalan dan perkhidmatan hospital termasuk harga ubat-ubatan, kemajuan teknologi perubatan dan penambahan penggunaan perkhidmatan kesihatan berikutan penyambungan semula prosedur perubatan elektif susulan pandemik COVID-19.

[20] Dokumen Dasar berkenaan Perniagaan MHIT boleh didapati menerusi (https://www.bnm.gov.my/documents/20124/938039/pd_mhit_feb2024.pdf).

[21] Ciri ini bertujuan untuk menangani 'sindrom bufet' seperti yang diterangkan dalam Artikel 'Menguruskan Inflasi Tuntutan Perubatan' dalam Laporan Tahunan BNM 2019.

lebih bertanggungjawab dan mempunyai pengalaman tuntutan yang lebih baik serta premium yang lebih rendah jika dibandingkan dengan produk yang sama tanpa ciri-ciri perkongsian kos.

Kedua, dasar ini menyokong pengurusan tuntutan kos yang lebih baik dan telus menerusi penubuhan platform data tuntutan perubatan berpusat. Melalui platform ini, ITO boleh mengenal pasti dan menguruskan pendorong kos MHIT dengan lebih baik, membandingkan caj yang dikenakan oleh penyedia penjagaan kesihatan yang berbeza dan memantau inflasi tuntutan tahunan keseluruhan industri. Platform ini juga akan membuka jalan ke arah penerbitan kos perubatan untuk prosedur biasa bagi memudahkan pengguna membuat keputusan mengenai kemudahan rawatan dan pembelian insurans berdasarkan maklumat yang mencukupi. Dasar ini juga bertujuan untuk memberikan pengalaman yang lebih positif kepada pengguna menerusi proses dan perkhidmatan yang semakin digital.

Ketiga, dasar ini menetapkan standard yang lebih tinggi ke atas pengendalian perniagaan MHIT dan amalan jualan dalam kalangan ITO serta pengantaranya. Hal ini termasuk penzahiran yang bertambah baik dan panduan tambahan untuk memastikan amalan penentuan harga yang adil dan saksama.

Langkah Selanjutnya

Tumpuan BNM pada tahun 2024 adalah untuk mempercepat usaha merealisasikan aspirasi bagi sektor kewangan seperti yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan. BNM akan terus memudahkan penggunaan perkhidmatan kewangan digital yang lebih meluas dan pada masa yang sama, mengekalkan keyakinan dan keselamatan. Bagi mengecilkan jurang perlindungan terutamanya untuk segmen yang mudah terjejas dan kurang mendapat perkhidmatan kewangan, BNM akan memajukan inisiatif rangkuman kewangan utama seperti yang dinyatakan dalam Rangka Kerja Rangkuman Kewangan 2023-26. BNM juga akan meneruskan libat urus dengan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk menetapkan penyelesaian kewangan sosial, memperluas rangkaian penawaran produk insurans mikro dan takaful mikro serta mempergiat usaha pendidikan pengguna bersasar dalam usaha merapatkan jurang celik kewangan. Bagi insurans dan takaful, BNM akan meneruskan usaha untuk mengurus kebolehcapaian jangka panjang dan kemampanan produk MHIT yang merangkumi penggunaan pilihan pembayaran bersama yang lebih banyak serta penyelesaian simpanan perubatan yang diperluas. BNM juga akan memberikan sokongan kepada Kementerian Kesihatan dalam usaha mencapai pembaharuan penjagaan kesihatan yang lebih meluas untuk negara. Bagi insurans motor, penyelesaian bantuan tepi jalan secara digital akan dilancarkan sepenuhnya pada tahun ini kepada kebanyakan pelanggan. BNM juga akan meneruskan kemajuan dalam inisiatif motor lain untuk membolehkan proses tuntutan digital dari hujung ke hujung. BNM akan mengadakan libat urus yang lebih rapat dengan pihak berkepentingan berkaitan untuk terus mengukuhkan visi digital melangkaui tuntutan motor dan memudahkan inovasi digital masa hadapan bagi ekosistem motor.